

Untuk Terbitan Media
14 Februari 2026

SIARAN MEDIA

PERKESO DIARAH KAJI PENYETARAAN PERLINDUNGAN SEKTOR FORMAL DAN INFORMAL GUNA KONSEP 'PORTABLE'

SUNGAI BULOH: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) diarah untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan untuk mewujudkan kesaksamaan tahap perlindungan antara sektor informal dan formal.

Langkah reformasi oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) itu dirintis demi menutup jurang keselamatan sosial dan memastikan skim perlindungan bersifat mudah alih (*portable*).

Menterinya, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, berkata usaha sedemikian selari tekad kerajaan dalam memastikan kelangsungan caruman serta perlindungan kerjaya, tanpa mengira peralihan sektor pekerjaan mereka.

"Kita mahu memastikan skim LINDUNG Pekerja dan skim LINDUNG Kendiri mempunyai nilai yang sama rata. Inilah maksud sebenar keadilan sosial dan prinsip MADANI yang kita perjuangkan selama ini dan ia bakal diterjemahkan dalam segenap dasar kerajaan.

"KESUMA dan PERKESO akan terus memacu langkah pembaharuan secara proaktif, termasuk membabitkan kebajikan 3.26 juta pekerja sektor tidak formal serta mengiktiraf peranan 1.2 juta penggiat gig sebagai pemacu ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina KESUMA PERKESO LINDUNG 2026 di Sungai Buloh, di sini, hari ini yang turut dihadiri Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan; Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof; Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, barisan pengurusan tertinggi KESUMA dan PERKESO serta pemimpin masyarakat setempat.

Dalam perkembangan berkaitan, Ramanan turut berkongsi laporan prestasi cemerlang PERKESO bagi 2025 dengan penyaluran faedah berjumlah RM6.65 bilion merentasi empat akta seliaan agensi badan berkanun tersebut.

"Jumlah penyaluran faedah tahun lalu mencatatkan peningkatan 8.34 peratus berbanding RM6.1 bilion pada 2024 dengan manfaat diberikan kepada lebih 1.15 juta penerima di seluruh negara.

"Tiga reformasi dasar KESUMA melalui PERKESO juga bakal dilaksanakan tahun ini iaitu inisiatif LINDUNG 24 Jam bagi menutup kelompangan sistem sedia yang dijangka seawal suku kedua 2026, penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) pada Mac, serta Skim Pengembara untuk pencarum LINDUNG Kendiri yang dijangka menjelang penghujung tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, Ramanan turut menzahirkan keprihatinan melalui penyaluran faedah PERKESO berjumlah RM318,042.84 kepada 15 pencharum dan waris merangkumi skim LINDUNG Pekerja, LINDUNG Kerjaya, LINDUNG Kendiri, dan LINDUNG Kasih.

Selain itu, katanya, seramai 100 anak yatim diraikan menerima *ang pao*, manakala 40 balu dan duda pencharum diberikan sumbangan hamper sebagai simbol keprihatinan KESUMA dan PERKESO dalam menyantuni mereka yang kurang bernasib baik.

“Komitmen sosial turut diperluas menerusi sumbangan kepada 10 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan kebajikan di sekitar Sungai Buloh, dengan setiap organisasi menerima peruntukan RM10,000 bagi membantu kelancaran pengoperasian mereka dalam menyantuni masyarakat.

“Sebanyak 3,500 bakul KESUMA MADANI berisi barangan keperluan asas turut di disalurkan kepada keluarga B40 di sekitar Sungai Buloh,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
14 Februari 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my